



George Kent catat untung bersih RM124.4 juta

Share

(<https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2018/03/401265/george-kent-catat-untung-bersih-rm1244-juta>)

Tweet

([https://twitter.com/intent/tweet?](https://twitter.com/intent/tweet?ref_src=twsrc%5Etfw&text=George%20Kent%20catat%20untung%20bersih%20RM124.4%20juta&tw_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2018/03/401265/george-kent-catat-untung-bersih-rm1244-juta)

[ref_src=twsrc%5Etfw&text=George%20Kent%20catat%20untung%20bersih%20RM124.4%20juta&tw_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2018/03/401265/george-kent-catat-untung-bersih-rm1244-juta](https://twitter.com/intent/tweet?ref_src=twsrc%5Etfw&text=George%20Kent%20catat%20untung%20bersih%20RM124.4%20juta&tw_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2018/03/401265/george-kent-catat-untung-bersih-rm1244-juta))

Share

(<https://plus.google.com/share?app=110&url=https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2018/03/401265/george-kent-catat-untung-bersih-rm1244-juta>)

KUALA LUMPUR: George Kent (Malaysia) Bhd mencatat keuntungan bersih tahun penuh tertinggi apabila meningkat 23 peratus kepada RM124.4 juta untuk tahun kewangan berakhir 31 Januari 2018, berbanding RM101.4 juta pada tahun sebelumnya.

Perolehannya turut meningkat kepada RM616.99 juta berbanding RM598.97 juta pada tahun kewangan 2017.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, syarikat itu berkata keuntungan tinggi itu adalah hasil sumbangan daripada bahagian kejuruteraan dan pemeternya.

"Bahagian kejuruteraan mencatat prestasi yang memberangsangkan berikutan kejayaan menyiapkan beberapa projek infrastruktur kereta api, hospital dan air sepanjang tahun kewangan itu.

"Sumbangan daripada bahagian pemeternan itu pula membabitkan perolehan beberapa kontrak bagi tahun kewangan itu," kata syarikat berkenaan.

Sementara itu, Pengerusi Kumpulannya, Tan Sri Tan Kay Hock dalam satu kenyataan berkata sumbangan daripada semua bahagian terbukti meningkat termasuk projek rel, projek infrastruktur air, projek turnkey (siap guna) hospital dan bekalan meter air.

"Lembaran imbalan kami kekal memberangsangkan dengan kedudukan tunai bersih merangkumi jumlah tempahan dalam tangan sebanyak RM5.6 bilion.

"Ini akan terus memberi perolehan untuk kemajuan masa depan bagi membolehkan kami merebut peluang baharu di peringkat tempatan dan rantau ini," katanya

-BERNAMA